

**Sabah, Sarawak lebih kaya berbanding negeri-negeri lain - Tun M
AstroAwani
17 September 2019**

KOTA KINABALU: Sabah dan Sarawak perlu bangkit bersama dengan lain-lain negeri bagi memastikan tiada jurang besar perbezaan atau ketidaksamaan antara setiap negeri, kata Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Sabah dan Sarawak sebenarnya lebih kaya berbanding lain-lain negeri di Semenanjung Malaysia dan menegaskan bahawa negeri-negeri di Borneo itu memiliki tanah yang luas.

"Kita perlu kaji semula dasar kita berhubung dengan pertanian.. pertanian moden yang boleh memastikan penduduk di luar bandar juga boleh menjadi kaya. Ia berkaitan dengan tanah, Sabah dan Sarawak mempunyai tanah," katanya dan menambah tanah-tanah itu boleh dibangunkan dengan teknologi baharu.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas majlis majlis makan tengah hari bersama kepimpinan Parti Bersatu Pribumi Malaysia (Bersatu) di sini. - BERNAMA

© 2019 AstroAwani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/sabah-sarawak-lebih-kaya-berbanding-negeri-negeri-lain-tun-m-217744>